

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 6 TAHUN 1998

MASALAH PENDAFTARAN INSTRUMEN HAKMILIK TANPA
MENGEMUKAKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN (IDT)

Arahan ini dikeluarkan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah tentang perlunya mematuhi prosidur dan peruntukan undang-undang sebagaimana diperuntukkan dibawah Kanun Tanah Negara 1965, berkaitan dengan proses Pendaftaran urusniaga.

2. Adalah diperhatikan bahawa dalam urusan harian pendaftaran instrumen urusniaga hakmilik tanah, kerap kali Pentadbir Tanah berdepan dengan masalah dan pertimbangan penyelesaian berkaitan penyerahan dan pendaftaran instrumen berkenaan tanpa dikemukakan dokumen berkaitan.

3. Untuk membolehkan Pentadbir-Pentadbir Tanah membuat pertimbangan dan mengambil tindakan selaras dengan kehendak undang-undang, peruntukan-peruntukan “Bab 1 hingga 5” daripada Bahagian 18 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah diikuti mengikut butiran berikut :

- | | | | |
|------|-------|---|----------------------------------------|
| 3.1. | Bab 1 | - | Penyerahan instrumen untuk pendaftaran |
| 3.2. | Bab 2 | - | Prosidur secara am |
| 3.3. | Bab 3 | - | Penentuan Kelayakan untuk pendaftaran |
| 3.4. | Bab 4 | - | Cara pendaftaran |
| 3.5. | Bab 5 | - | Surat wakil kuasa |

4. Peruntukan Seksyen 294(4) KTN menjelaskan bahawa apa-apa instrumen boleh diterima dan di masukkan ke dalam Buku Perserahan tanpa mengemukakan dokumen-dokumen yang dikehendaki seperti Dokumen Hakmilik Keluaran (IDT). Instrumen tersebut tidak boleh didaftarkan sehinggalah dokumen berkaitan dikemukakan.

5. Manakala Seskyen 299(1) menyatakan bahawa Pendaftar, setelah memastikan dan berpuashati instrumen itu layak untuk didaftarkan, boleh mendaftarkan instrumen itu tanpa dikemukakan Dokumen Hakmilik Keluaran (IDT), tetapi hendaklah terlebih dahulu menjalankan siasatan mengenai ketiadaan dokumen itu menurut peruntukan “Bab 4 Bahagian 2 KTN”, dan hendaklah mengambil apa-apa tindakan bagi menjamin ianya dikemukakan kemudian. Pentadbir Tanah bolehlah mendaftarkan instrumen itu setelah dokumen tadi dikemukakan atau setelah beliau berpuashati bahawa dokumen berkaitan patut tidak payah dikemukakan.
6. Dengan demikian semua Pentadbir Tanah adalah diarahkan supaya mengambil langkah-langkah sebagaimana perenggan (3),(4) dan (5) diatas.
7. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Yang menurut perintah,

t.t

(Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri,
Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH
KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN/ 3269 JLD. 2/(28)

**BERTARIKH : 28 MUHARRAM 1418
25 MEI 1998**